

11 MAR 1999

DR MAHATHIR SEDIH DUGONG MATI

KUALA LUMPUR, 11 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sedih dengan kematian anak dugong yang dilepaskan ke laut Isnin lepas tetapi berkata "tiada jaminan jika ia disimpan, dugong itu tidak akan mati."

"Saya bersimpati dengan mereka (nelayan Atan Husin dan keluarganya) namun dasar kita (kerajaan) ialah tidak memelihara binatang seperti ini.

"Walaupun saya berasa sedih kerana dugong ini telah mati, tetapi kita juga tidak boleh menjamin bahawa kalau kita simpan ia tidak akan mati," katanya sekembalinya dari lawatan dua hari ke Sabah di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang hari ini.

Perdana Menteri menegaskan adalah menjadi dasar kerajaan tidak membenarkan sesiapa menangkap atau memelihara mamalia akuatik seperti dugong, yang disenaraikan sebagai haiwan yang dilindungi sepenuhnya.

Dugong ialah sejenis spesies mamalia laut yang hampir pupus dan dilindungi sepenuhnya di bawah Akta Perlindungan Hidupan Liar serta Akta Perikanan 1985.

Anak Dugong yang dinamakan "Tenang" itu ditemui mati semalam setelah dilepaskan semula ke laut oleh Atan atas arahan Jabatan Perikanan.

Mamalia itu terperangkap dalam jaring udang berhampiran kelong yang dipasang oleh Atan kira-kira 100 meter dari Kampung Pasir Putih, Johor pada 25 Jan lepas dan terus memelihara haiwan itu sehingga diarah melepaskannya.

Dr Mahathir yang turut ditanya mengapa Jabatan Perikanan dan Jabatan Perlindungan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) lambat bertindak dan tidak berbuat apa-apa untuk menyelamatkan haiwan itu, berkata: "Saya tidak tahu tetapi di negara lain pun binatang seperti ini (haiwan yang dilindungi) dilepaskan."

-- BERNAMA

HS RON